

# Industrialisasi dan Globalisasi: Cabaran Teknologi Komunikasi dan Kesannya Terhadap Kelangsungan Pendidikan Generasi

*Oleh: Rahmah Hashim*

## ABSTRACT

*WE ARE NOW entering the age of satellite communication technology whereby all sources of information can be accessed just through a disc antenna. This has far-reaching implications in the media, printing industry and also in the teaching and learning processes. Malaysia, as an aggregate of the global community is experiencing this phenomenon of highly sophisticated technology, ranging from printing to telegraphic, telephonic, cinematography etc, which covers almost every aspect of human endeavour, from sport, education, business to entertainment. This "open sky" phenomenon has brought about extensive business opportunities especially to developed nations, which are pari passu information providers. While some highlights are accorded to illustrate the profile of the information providers, the writer also focussed on the impact of television and video viewing among the young generation. While not disregarding the benefits, i.e. educational benefits that one can obtain from it, it is a common knowledge that one is also vulnerable to negative elements such as phonography, violence, and the like. It is within this context that, the writer discusses the role of parents deemed as vital and crucial.*

## **PENGENALAN**

Generasi muda yang lahir setelah wujudnya sesuatu teknologi media baru akan menerima segala yang baru itu tanpa merasa janggal atau curiga, tetapi generasi yang lebih tua akan mengalami beberapa kejutan budaya akibat perubahan persekitarannya. Di sinilah timbulnya konflik penyesuaian diri akibat kemunculan teknologi media komunikasi baru. Pada suatu segi, teknologi media baru banyak memberi nikmat kepada masyarakat dari segi pengaliran dan perolehan maklumat baru dan terkini, tetapi tidak kurang juga yang menimbulkan kekalutan, keraguan dan ketidakpuasan hati serta konflik nilai.

Hubungan antara media dan masyarakat umum ibarat suatu putaran ganas. Pada mulanya masyarakat mendapat ilham untuk mencipta teknologi media sama ada untuk berkomunikasi, mendidik, menyebarkan maklumat ataupun menghibur. Maklumat yang tersiar dalam media massa pula lazimnya mencerminkan keadaan sosio-budaya, ekonomi, dan politik sesebuah masyarakat atau negara. Keadaan masyarakat ini mengilhamkan para penulis, pengarang, pemberita, dan pembikin filem untuk berkarya. Karya yang terhasil seterusnya memujuk, mempengaruhi, mendidik, memberi maklumat atau memprovokasi minda khalayaknya.

## **LATAR BELAKANG MEDIA**

Teknologi media bermula sebagai media rakyat dalam bentuk tulisan, lakaran, peta, gambarajah, pertunjukan seni budaya dan sebagainya. Media selanjutnya wujud dalam bentuk percetakan setelah Gutenberg, seorang bangsa Jerman, mencipta mesin pencetak kira-kira 540 tahun dahulu. Hasil ciptaan tersebut telah merevolusikan bidang pembukuan dan persuratkhabaran pada awal abad ke-19.

Pada pertengahan 1844, teknologi telegrafi telah memulakan era komunikasi jarak jauh yang membolehkan berita dan maklumat disalurkan melalui kod, kemudian suara, yang akhirnya menghasilkan generasi media ketiga yang menggabungkan unsur audio dan visual. Masing-masing media mempunyai fungsi tertentu untuk menyebarkan maklumat (sama ada benar, palsu, atau yang direka-reka), mendidik, menghibur ataupun ketiga-tiganya sekali.

Beberapa kemajuan pesat khususnya dalam dua dekad yang lalu terus berlaku dalam bidang telekomunikasi sehingga menghasilkan media generasi keempat yang lebih canggih dan berteknologi tinggi, yang mampu merentasi batas literasi dan juga geografi. Kini menjelang abad ke 21, masyarakat diperkenalkan pula kepada teknologi satelit komunikasi yang memungkinkan pelbagai saluran maklumat dari pelbagai sumber di dunia diterima dan diakses melalui antena parabola.

Dengan perkembangan teknologi telematik yang amat pesat, bukan sahaja media elektronik yang menghadapi perubahan tetapi industri media cetak juga kian berubah kepada format multimedia yang bersifat global, tidak menggunakan kertas, dan segera diperolehi menerusi Internet. Hanya faktor bahasa dan kecelesan komputer yang boleh menjadi perintang kepada mereka yang mahu menyertai inovasi teknologi berkenaan. Di samping itu, industri media terus menerus berusaha memuaskan keinginan khalayak, para pengiklan, penggubal dasar, pemilik media dan para pembekal perisian media.

Kini sesiapa jua yang celek huruf berupaya menghayati bahan yang tercetak di kertas ataupun yang terhasil melalui gabungan mikroelektronik, komputer dan telekomunikasi seperti telefaksimili dan teleteks. Mereka yang tidak mengenal huruf pula masih berpeluang mendengar radio, menonton televisyen (sama ada melalui stesen pemancar, kabel, gentian optik, atau satelit komunikasi), ataupun perisian video dan filem yang tidak memerlukan kemampuan mengenal huruf.

## **SENARIO MEDIA KOMUNIKASI DI MALAYSIA**

Teknologi media di Malaysia—sama ada teknologi media cetak, telegrafi, telefoni, sinematografi, radio atau televisyen—bukanlah teknologi asli negara ini tetapi dibawa masuk dari barat untuk tujuan ekonomi, sosial, dan/atau politik.

Kini terdapat kira-kira 46 akhbar (harian dan mingguan), kira-kira 170 jenis majalah, pelbagai jenis jurnal, buku akademik dan bukan akademik, dalam pelbagai bahasa dan rupa bentuk penerbitan. Ada yang mengutamakan hiburan; ada yang menjurus kepada bidang sukan; ada yang menumpukan perhatian kepada bidang pelancongan, perdagangan,

perniagaan, agama, atau pendidikan. Ada yang khas untuk wanita, kanak-kanak, remaja, atau keluarga; ada yang diterbitkan khas untuk pengguna komputer, kereta, penggemar golf, dan sebagainya. Bermacam-macam jenis bahan cetak diterbitkan dalam negara, tetapi banyak juga yang diimport dari luar negara.

Ada juga isi rumah yang memiliki mesin video untuk menonton semula rancangan televisyen yang telah dirakam salin ataupun yang dibeli dari kedai-kedai video yang banyak terdapat di bandar-bandar dan juga desa. Teknologi multimedia juga membolehkan komputer digunakan untuk menonton cakera padat video (video compact disc-VCD). Satu lagi bentuk teknologi media yang menarik perhatian sebahagian anggota masyarakat, pemilik kelab-kelab rekreasi, atau pusat-pusat hiburan, ialah karaoke yang menggalakkan rekreasi berhibur menerusi cakera laser yang tidak boleh ditapis.


Di negara ini terdapat 19 stesen radio milik kerajaan (Radio 1, Radio Muzik, Radio 4, Radio 5, Radio 6, dan Radio 3 di setiap negeri); dan 5 buah stesen radio swasta (Time-Highway Radio, Radio Rediffusion Sdn.Bhd.—RfM 98.8 FM, Hitz milik MBNS, Best 104 di Johor, dan Cats di Sarawak).

Dalam banyak-banyak media, televisyen merupakan wadah paling popular kerana berupaya menembusi 94 peratus populasi dewasa (Media Guide '98: 8) iaitu yang berumur 15 tahun ke atas (Lihat Rajah 1). Sehingga akhir 1998, terdapat 5 rangkaian televisyen terestrial (dan percuma) iaitu Saluran Perdana (TV1), Saluran Emas (TV2), rangkaian swasta TV3, MetroVision (terhad di Lembah Kelang), dan NTV7. Mega TV (sistem kabel 5 saluran) dan ASTRO (siaran satelit 20 saluran) hanya untuk penonton yang melanggan perkhidmatan mereka.

## **FAKTOR PENCETUS PERUBAHAN**

Inovasi teknologi dan penswastaan merupakan dua faktor utama yang menyumbang kepada perubahan pesat dalam industri media komunikasi. Menjelang abad ke 21, amat nyata kepada kita bagaimana proses memadukan teknologi komputer, mikroelektronik dan telekomunikasi telah membawa perubahan kepada cara berkomunikasi di seluruh dunia.

Pembekal maklumat (*information providers*) memanfaatkan teknologi terkini dalam bidang penerbitan dan pengagihan, termasuk komputer, satelit, dan saluran kabel, untuk memberikan perkhidmatan dan kemudahan ke destinasi yang dekat dan jauh dalam waktu yang semakin pantas dan dalam jarak masa yang singkat. Lonjakan kuantum ini dianggap suatu rahmat bagi negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia kerana tidak perlu menggunakan teknologi lama yang kurang sempurna, sebaliknya terus memanfaatkan teknologi terkini yang lebih berkesan dan cekap.



**Rajah 1** : Peratus penggunaan Media di kalangan Dewasa, 1997  
Sumber : Media Guide'98

Penyerapan teknologi komunikasi dan maklumat yang lebih canggih ini tidak mungkin dapat dijayakan tanpa gelombang penswastaan yang telah melanda dunia pada awal 1980an dan menjadi fenomena global dalam masa 10 tahun yang lalu (Lihat Schiller 1984; Rafferty 1985; Hills 1985; Vickers & Hay 1987; Lambert 1987; dan Conable 1988). Namun demikian, dasar penswastaan merupakan sebahagian strategi Amerika Syarikat untuk mengurangkan kawalan pihak pemerintah di beberapa buah negara dunia ke atas kegiatan pasaran yang bersifat global (Lihat Hills 1986; dan Rafferty 1985). Salah satu tindakan Amerika Syarikat ialah mengenakan tekanan terhadap negara-negara yang banyak menanggung hutang (termasuk Asia) supaya melaksanakan dasar penswastaan.

Menurut beberapa orang sarjana seperti Garnham (1983), Schiller (1984), Hills (1986), Mahoney (1987), Vickers & Hay (1987), Broad (1988), dan Healey (1989) negara-negara di benua Asia telah didesak oleh Donald Regan, Setiausaha Perbendaharaan Amerika ketika itu, Bank Pembangunan Asia (ADB), Bank Dunia, Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), dan Agensi Pembangunan Antarabangsa Amerika Syarikat (US AID) supaya mengukuhkan sektor swasta kerana mereka menganggap sektor awam dan kerajaan sebagai penghalang pembangunan. Helmore (1988: 16-17) melaporkan bahawa Bank Dunia hanya memberikan 25 peratus daripada pinjaman, itupun dengan syarat negara peminjam perlu melaksanakan beberapa perubahan dalam dasar ekonomi negara masing-masing, yakni mengamalkan dasar penswastaan.

Menjelang 1985, beberapa buah negara Asia termasuk Bangladesh, Korea Selatan, Malaysia dan Jepun telah menswastakan atau memperbadankan bidang telekomunikasi.

Teknologi media komunikasi baru (NIT) dan dasar penswastaan berkait rapat dengan peranan yang dimainkan oleh syarikat-syarikat gergasi dunia (*transnational corporations-TNCs*) yang juga kuasa penggerak NIT di Asia dan beberapa kawasan lain di dunia. Permintaan TNC untuk menggunakan kemudahan NIT akhirnya mengukuhkan penglibatan mereka dalam perkembangan NIT di peringkat global termasuk memiliki ataupun berkongsi hak milik dengan sektor swasta di negara asing. Sektor NIT ini meliputi perkakasan dan perisian teknologi maklumat termasuk media hiburan. Perikatan seperti ini telah melahirkan beberapa pasaran dunia

yang baru dalam teknologi elektronik, barangan dan perkhidmatan maklumat termasuk pengiklan peringkat transnational.

Dalam menganalisis perubahan, Samarajiva dan Shields (1989) mengenal pasti tiga "mazhab". Pertama, pandangan pakar pasca industrialisasi (*post-industrialist*); kedua, pandangan industrialis; dan ketiga, pandangan ahli teori kuasa (*power theorists*). Golongan pertama menyatakan masyarakat kapitalis yang maju kini muncul setelah berlaku revolusi selama dua-tiga dekad. Keadaan ini kemudiannya menghasilkan masyarakat merujuk yang berbeza corak sosial, politik dan ekonominya. Golongan kedua percaya bahawa dominasi para aktivis maklumat dalam ekonomi kapitalis bukan suatu revolusi teknologi tetapi kerana bidang pertanian, industri, perdagangan, dan komunikasi diambil alih oleh perkakasan NIT sesuai dengan proses industrialisasi. Golongan ketiga pula mengatakan bahawa kapitalisme ialah kuasa penggerak yang melahirkan masyarakat bermaklumat.

Apa jua polemik mereka, yang nyata rantau Asia ini telah menjadi pusat kegiatan ekonomi yang menarik perhatian pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) tahap supranasional, transnasional dan multinasional.

## **PERUBAHAN TEKNOLOGI MEDIA KOMUNIKASI**

Teknologi media satelit telah lama diterokai oleh negara-negara maju kerana mereka telah menjangkakan potensinya yang besar untuk mendominasi dunia. Malah pada tahun 1958 lagi, Brigadier General Homer A. Boushey, Pengarah pertama Bahagian Teknologi Tinggi, Tentera Udara Amerika Syarikat, disebut sebagai berkata bahawa "*He who controls the moon controls the earth.*" Dalam jangkamasa dua-tiga dekad itu juga, negara-negara maju telah memonopoli 90 peratus spektrum elektromagnetik sedunia, sedangkan 90 peratus populasi dunia yang belum membangun ekonominya ketinggalan dalam bidang teknologi satelit komunikasi.

Kini beratus-ratus satelit digunakan untuk tujuan pengemudian, *remote sensing*, eksperimen, *reconnaissance* dan kegiatan lain termasuk

kegiatan perisikan tentera. Walau bagaimanapun, majoriti satelit yang terdapat di angkasa ialah satelit komunikasi yang mempermudah komunikasi melalui telefon, mel elektronik, rangkaian komputer, dan lain-lain.

## GLOBALISASI MEDIA KOMUNIKASI

Dekad ini dilihat sebagai era konsolidasi kerana berlakunya percantuman sektor pembuatan dan perkhidmatan secara besar-besaran (Lihat Hamelink, 1994: 81-83) termasuk percantuman sektor media seperti SONY + Columbia Pictures + CBS Records; Matsushita + MCA + Universal Press; IBM + NBC; dan Toshiba + AT&T + Time-Warner.

Empayar media dan maklumat kini terangkum di dalam perusahaan paling berjaya di dunia. Contohnya, *News Corporation Ltd.*, *General Electric*, *Sony*, dan *Time Warner*. Di antara gergasi media yang terkenal ialah Rupert Murdoch (Australia), Ted Turner (Amerika Syarikat), Li Ka Shing (Hong Kong), Bill Gates (Amerika Syarikat), dan beberapa nama rakyat tempatan seperti Vincent Tan, Robert Kuok dan Ananda Krishnan.

Empayar media Rupert Murdoch menguasai lebih 300 organisasi akhbar di dunia, termasuk saham terbanyak dalam akhbar harian di United Kingdom dan Amerika Syarikat; rangkaian stesen penyiaran TV Fox di Amerika Syarikat; saluran *Sky Channel* di Eropah; dan STAR TV (Asia). Murdoch juga memiliki agensi berita terbesar di dunia iaitu *Reuters*. Kini *Visnews*—sebuah agensi berita bergambar untuk TV juga telah diambilalih Murdoch dan ditukar namanya kepada *Reuters Television*. Reuters TV membekalkan berita TV kepada lebih 400 organisasi penyiaran di 85 buah negara. (Lihat Rupert Murdoch, 1994: 4; Hamelink, 1994: 83).

*Cable News Network* (CNN) yang pernah dimiliki Ted Turner kini dimiliki bersama dengan *Time Warner*.

Li Ka-Shing, warganegara terkaya di Hong Kong sebelum berlaku kegawatan ekonomi 1998, memiliki *Media Assets Ltd.* yang mengedarkan perisian media di Asia; dan mengkomisyonkan pembuatan filem dan rancangan TV untuk *Motion Pictures* yang kemudiannya diedarkan ke panggung wayang, pusat-pusat video, televisyen kabel, televisyen satelit, dan stesen televisyen terrestrial di seluruh dunia. *Media Assets Ltd* juga

memiliki *Don Bluth Ltd.*, sebuah syarikat penerbitan di Ireland yang antara lain pernah menghasilkan "*Land Before Time*" arahan Spielberg. Di samping itu juga, empayar Li Ka-Shing meliputi beberapa buah rakam khanah/ perpustakaan untuk rangkaian filem China.

TVB Ltd. dimiliki bersama oleh (a) Sir Run Run Shaw (34.3 peratus), seorang yang sememangnya terkenal di dalam sinematografi di Asia; (b) Robert Kuok (32.5 peratus) yang juga dikenali sebagai Raja Gula (*Sugar King*) di Malaysia dan Singapura dan dihubungkan dengan industri perhotelan, minuman, akhbar, perkapalan, dan juga saham di CITIC (China); (c) *Turner Broadcasting Systems Inc.* (USA); (d) ESPN Asia; (e) *HBO Pacific Partners* dan (f) *Discovery Communications Inc.*

Selain pemilik-pemilik media di atas, terdapat juga beberapa peserta industri media yang giat beroperasi di Asia. Sebagai contoh, India, Indonesia, China, Jepun, dan Thailand merupakan pemilik satelit domestik di Asia. Pada awal 1996, Malaysia juga turut menyertai senarai pemilik satelit komunikasi di rantau ini. Namun demikian, Malaysia sudahpun menggunakan perkhidmatan satelit komunikasi PALAPA semenjak akhir 1970an lagi.

Kesemua agensi berita di rantau Asia yakni *Reuters*, *Associated Press* (AP), *Agence France Presse* (FP), BERNAMA dan lain-lain juga menggunakan teknologi telematik untuk berkomunikasi dengan ibu pejabat dan cawangan mereka di seluruh dunia. Biro AFP di Kuala Lumpur menggunakan kemudahan komputer dan telekomunikasi untuk menyalurkan teks berita dan foto ke pejabat-pejabat AFP di rantau Asia termasuk pusat serantaunya di Hong Kong (melalui INTELSAT dan/atau AUSSAT), Afrika (INTELSAT), Washington (melalui G Star I), dan induknya di Paris (melalui EUTELSAT).

Perkhidmatan berita *Reuters* di biro Kuala Lumpur dihubungkan ke Hong Kong melalui Singapura. Agensi ini menggunakan terminal RNPT (*Reuter News Picture Terminal*) untuk mengirinkan foto melalui antena satelit.

## **PENYIARAN TV SATELIT DI ASIA**

Siaran satelit terus (*direct-to-user broadcasting—DTU*) mampu merentasi

sempadan geografi dan mencakupi khalayak yang lebih luas. Lantaran itu, DTU amat menarik perhatian pengiklan transnasional kerana ia memungkinkan pasaran barangan dan perkhidmatan di peringkat sedunia. Contohnya:

1. STAR TV (*Satellite Television Asia Region*)

STAR TV yang berpusat di Hong Kong dimiliki sepenuhnya oleh gergasi media dunia — Rupert Murdoch. STAR TV telah dilancarkan pada bulan April 1990 oleh satelit ASIASAT I yang dimiliki bersama oleh *British Cable & Wireless, China International Trust and Investment Corporation (CITIC)*, dan *Hutchison Whampoa* (milik Li Ka Shing, Hong Kong).

STAR TV boleh sampai ke hampir seluruh benua Asia dan berpotensi menjangkau khalayak di sebanyak 38 buah negara. Di antara pengguna transponder ASIASAT 1 ialah Hutchvision (Hong Kong)(12), EZTV (Hong Kong)(2), Korea Selatan (3 untuk televisyen kabel), Mongolia (1 untuk televisyen nasional), Bangladesh (1), Myanmar (1.5 untuk televisyen dan telefon), dan CITIC (China)(1 untuk data dan telefon) (Lihat Scott 1990; Dikkenberg 1991; dan Smyth 1993).

Pada tahun 1991, terdapat lima saluran STAR TV yang menyiarkan rancangan dalam bahasa Inggeris dan Mandarin, dan sebuah rangkaian bersekutu di India yakni Zee TV yang menyiarkan rancangan dalam Bahasa Hindi.

2. *Asia Business News (ABN)*

Pemilik saham ABN ialah:

- a. *TCI/Dow Jones* (29.5 %)
- b. *Television New Zealand* (29.5 %)
- c. *Tele Communication (USA)* (29.5 %) iaitu syarikat televisyen kabel terbesar di dunia.
- d. *Temasik Holdings* (Singapura) (10 %)—anak syarikat Kerajaan Singapura.

- e. *Business News Network* (1.5 %) yang dimiliki sebuah konsortium di Hong Kong dan ahli perniagaan Taiwan.

ABN menawarkan perkhidmatan berita perdagangan dari ibu pejabatnya di Singapura, yang dipancarkan menerusi satelit PALAPA B2P.

3. *Singapore International TV* (SITV)

SITV menawarkan rancangan TV satelit termasuk berita Bahasa Inggeris (selama 30 minit) dan rancangan dokumentari serta hal ehwal semasa dalam bahasa Melayu, Mandarin dan Inggeris. SITV dikendalikan oleh *Singapore International Foundation* dan dipancarkan melalui PALAPA B2P. Khalayak sasaran SITV ialah warganegara Singapura yang bertugas di seberang laut seramai kira-kira 6,000 orang di United Kingdom, 3,000 orang di Hong Kong, dan 2,000 orang di Amerika Syarikat (Seah, 1993: 14).

4. *Home Box Office* (HBO) Asia

HBO Asia yang mengendalikan saluran wayang gambar 24 jam juga beroperasi dari Singapura dan menggunakan satelit PALAPA B2P.

5. RTB-Sukmaindera (Brunei)

Ini merupakan perkhidmatan siaran TV satelit dalam bahasa Melayu yang dikendalikan oleh Radio Televisyen Brunei (RTB).

## KETAGIHAN MENONTON

Menurut para sarjana Amerika seperti Morgan & Gross (1980), Zuckerman, Singer & Singer (1980), Hawkins & Pingree (1981), dan Felter (1984), perubahan pada perlakuan masyarakat bukan dipengaruhi media semata-mata kerana pelbagai faktor persekitaran lain perlu diambil kira termasuk faktor keluarga, rakan sebaya, dan persekolahan. Ini selaras dengan hasil kajian Colder-Bolz (1980) yang mendapati bahawa interaksi dan perantaraan orang dewasa (ibu bapa, kakak, abang, saudara mara)

boleh mengurangkan kesan negatif dan meningkatkan nilai positif dalam sesebuah rancangan televisyen. Walau bagaimanapun, Greenberg & Dominick (1969) dan Winn (1985) berpendapat bahawa perbuatan menonton televisyen itu sendiri berupaya membantu khalayak melarikan diri daripada perasaan runsing, sunyi dan bosan, serta memberikan kepuasan. Dalam usaha mencari sumber kepuasan sementara, ramai penonton boleh menjadi ketagih televisyen.

Kajian tentang ketagihan televisyen telah dilakukan oleh Marie Winn pada tahun-tahun 1970an, dan hasilnya dihuraikan secara panjang lebar di dalam buku beliau *The Plug-In Drug: Television, Children and the Family* (1985). Winn berpendapat bahawa yang lebih merosakkan masyarakat bukan bahan yang disiarkan tetapi perlakuan menonton televisyen itu sendiri (1985: 3). Pengamatan beberapa orang ibu bapa yang ditemu bual oleh Winn dapat dijadikan rujukan. Contohnya:

**Kes A:**

Anak saya yang berumur lima tahun seolah-olah berada di luar alam sadar bila menonton TV. Pandangannya begitu terpusat ke skrin TV dan hilang di dalam alam khayalan. Begitu asyiknya dia dengan apa yang ditontonnya hingga tidak sedar apa yang berlaku di sekitarnya. Bila saya menegurnya semasa dia sedang menonton TV, dia langsung tidak mendengar. Untuk menarik perhatiannya saya terpaksa menutup peti TV. Kemudian barulah dia tersentak (dan balik semula ke alam nyata).

**Kes B:**

Tom langsung tidak mendengar bunyi telefon bila sedang menonton TV walaupun telefon sedang berdering begitu kuat di sisinya.

Beberapa orang penonton dewasa yang kerap menonton televisyen juga telah membuat pengakuan kepada Winn (1985: 25-26):

**Penonton A:**

Pertama kali kami memperoleh TV, kami akan menonton berjam-

jam lamanya, bila sahaja berpeluang berbuat demikian. Saya masih ingat betapa letih dan risaunya perasaan saya setiap kali selesai menonton berjam-jam lamanya itu. Saya bagaikan menyesali sikap saya membuang masa begitu banyak. Perasaan itu ibarat memakan halua rambut (*cotton candy*); televisyen menjanjikan begitu banyak khazanah (maklumat/hiburan?) hinggakan saya tidak sabar menunggu. Lepas itu, ia hilang lenyap di angin lalu.

**Penonton B:**

Sepanjang masa menonton, saya terasa amat marah dengan diri sendiri kerana mensia-siakan masa begitu banyak kerana menonton “hampas”. Saya tidak boleh tidur selagi tidak mengikuti berita jam sebelas, dan kadang-kadang saya masih berjaga-jaga untuk menonton siaran berita; seolah-olah saya perlu tahu apa yang berlaku, walaupun selalunya tidak banyak yang berlaku dan saya masih boleh mengikuti perkembangan semasa dengan membaca khabar keesokan harinya.

Tiga jenis ujukaji telah dilaporkan oleh Winn (1985) khusus mengenai tiga kumpulan keluarga di Amerika Syarikat yang telah mencuba hidup tanpa televisyen. Keluarga pertama membawa diri ke kawasan pergunungan, iaitu sebuah kawasan yang tidak boleh menerima siaran TV. Dalam keluarga kedua, ketua isi rumah sengaja merosakkan peti TV dan memerhatikan kesan tanpa TV ke atas ahli keluarga selama dua minggu. Kelompok ketiga terdiri daripada 15 keluarga yang tidak menonton TV selama sebulan. Hasil tinjauan Winn mendapati ketiga-tiga jenis responden telah berusaha memenuhi masa mereka dengan membaca buku, bercerita, bermain bersama, membuat kraftangan, melukis, menziarahi kawan-kawan dan lain-lain kegiatan. Dalam masa tersebut, ibu bapa lebih kerap melayani anak-anak. Suasana rumah tangga lebih aman; hubungan keluarga lebih mesra; anak-anak lebih mudah ringan tulang membantu kerja-kerja rumah; dan ahli keluarga lebih cepat tidur. Walau bagaimanapun, tiada suatu keluarga pun yang sanggup meneruskan gaya hidup tanpa TV.

Yusuf Al-Qardhawi (1994: 390) berpendapat bahawa menonton

tayangan TV tidak dapat dikatakan halal mutlak. Yang dipersoalkan ialah motif dan tujuan menonton. Jika bertujuan mulia seperti menonton dan mendengar siaran agama, karya ilmiah, siaran berita dan sebagainya, maka dianggap halal bahkan berpahala. Sebaliknya, jika siaran yang ditonton itu bersifat negatif dan boleh membangkitkan nafsu maka jelaslah haram, sama ada pada bulan Ramadhan ataupun bukan. Haram juga hukumannya jika perbuatan menonton TV (atau membaca buku, atau menonton wayang gambar dan sebagainya) menghalang seseorang daripada menyebut Asma Allah, mendirikan salat dan lalai mengerjakan ibadat lain.

## **KELANGSUNGAN GENERASI : PERANAN IBU BAPA DAN ORANG DEWASA**

Terdapat banyak faktor yang boleh mengakibatkan keruntuhan nilai serta kelumpuhan institusi keluarga. Pertama ialah faktor keluarga sendiri kerana keluarga adalah institusi pertama penyerapan norma dan akhlak yang baik. Pemimpin keluarga bukan hanya bertanggung jawab menyediakan sara hidup material tetapi perlu membangunkan rohani dan minda anggotanya. Sebagai ketua keluarga, peranannya ialah untuk membimbing anggota keluarga yang telah diamanahkan Allah kepadanya, supaya mereka terpelihara daripada masalah keruntuhan akhlak.

Teknologi media komunikasi, baik yang lama atau yang baru, bukan sekadar menghibur dan memberikan maklumat semata-mata. Media juga mampu menjadi "*role model*" kepada khalayaknya yang belum matang atau yang mudah terpengaruh. Dalam hal sedemikian, ibu bapa, penjaga, dan orang dewasa bertanggung jawab melindungi ahli keluarga atau orang di bawah jagaannya daripada sebarang bentuk penjajahan minda. Ibu bapa perlu mengambil tahu bagaimana anak-anak mereka menggunakan masa senggang dan tidak bersikap terlalu liberal hingga membiarkan anak-anak sendiri meluangkan masa di tempat-tempat hiburan yang menggalakkan perlakuan sosial yang mencurigakan. Sayangkan anak juga tidak bermakna mengikutkan semua kehendak mereka termasuk membekalkan peti TV, perakam video atau VCD untuk setiap anak di bilik mereka masing-masing. Tanpa dibimbing, ahli keluarga akan mudah dipengaruhi dakyah dan keracunan minda secara halus.

*Ibu bapa adalah pencorak watak anak-anak. Kemajuan serta peribadi anak-anak itu banyak dipengaruhi hasil dorongan ibu bapa. Jika anak-anak rosak budi pekerti dan perangai, menjadi kutu jalandan dan menyusahkan masyarakat, ibu bapalah punca utama. . . . Ibu bapa hendaklah menjadikan kegiatan keluarga sebagai tempat titik tolak berkembangnya suatu tradisi yang ulung dan mulia dalam penghidupan selaras dengan generasi bermoral yang ditekankan dalam Pendidikan Dasar Pendidikan Negara dan dalam kegiatan hidup mengikut tradisi rakyat Malaysia*

**(Lidah Pengarang Utusan Malaysia, 17 Mei 1994)**

Bagi keluarga Islam, tanggungjawab paling utama ialah pentarbiyahan anak-anak semenjak dari kecil lagi. Ini termasuklah menjaga waktu sembahyang, mengaji dan memahami Al-Quran, dan Rukun Islam yang lain. Pentarbiyahan ini harus berlaku sepanjang masa kerana media dan pengaruh lain dalam persekitaran sentiasa bersaing dengan ibu bapa dan keluarga untuk mempengaruhi minda anak-anak. Di samping itu, ibu bapa sendiri harus menunjukkan contoh teladan yang terbaik dan tidak mengamalkan sikap *double standard*. Berhubung dengan penontonan televisyen, sekiranya ibu bapa tidak mahukan anak-anak mereka ketagihan televisyen, maka mereka juga harus berupaya menonton secara selektif, atau menahan diri daripada menonton terlalu banyak rancangan televisyen. Lebih buruk lagi padahnya jika ibu bapa sendiri berminat menonton bahan-bahan video X-rated yang meruntuhkan iman.

Firman Allah dalam Al-Quran yang bermaksud:

*Jangan menyuruh orang lain melakukan kebaikan sedangkan kamu lupakan diri kamu.*

**(Surah Al-Baqarah 2: 44)**

Sekiranya kemasukan budaya dan media asing tidak dapat dielakkan, maka setiap ahli keluarga (yang merupakan unit masyarakat dan ummah), perlu menepis dan menangkis sebarang unsur negatif yang mengiringi bahan-bahan maklumat dan hiburan dari luar itu dengan perisai yang tahan diuji. Perisai ini harus dimiliki oleh setiap individu masyarakat. Tanpa kawalan diri dan ahli keluarga serta masyarakat, gejala-gejala keruntuhan akhlak dan penyelewengan moral akan terus berleluasa dalam masyarakat.

Ini boleh membiakkan lebih banyak penyakit sosial dan menyuburkan unsur-unsur kebatilan yang akan membawa kepada kehancuran ummah.

## **KELANGSUNGAN GENERASI : FAKTOR PERSEKITARAN**

Faktor persekitaran seperti pengaruh disko, permainan video, “*coffee house*”, pub, snuker, konsert dan karaoke, turut mencabar keutuhan generasi masa kini dan jika tidak dibendung boleh menggugat ketahanan generasi akan datang. Rakan sebaya dan masyarakat sekeliling turut menentukan kejayaan atau kegagalan usaha memupuk nilai-nilai murni masyarakat.

Tanggung jawab menangani permasalahan pada tahap yang lebih makro ini harus dipikul bersama oleh pemimpin keluarga, pemimpin masyarakat (termasuk polis), pentadbir negara, dan pemimpin politik negara. Salah satu langkah utama ialah mengharamkan pub, disko, pusat karaoke dan pusat-pusat hiburan. Alasan tidak dapat menarik pelancong ke negara ini adalah alasan yang amat rapuh kerana mereka ke negara kita bukan untuk mencari hiburan yang sedia ada di negara mereka.

Rasulullah s.a.w. sering mengingatkan umat baginda supaya tidak terlalu ghairah dengan nikmat dunia kerana ia akan melalaikan manusia. Seperti yang dimaksudkan dalam Hadith riwayat Muslim:

*Dari Abu Sa'id Al-Khadri r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda:  
Sesungguhnya dunia ini manis dan indah, dan sesungguhnya Allah menjadikan kamu wakil menguruskan apa yang ada padanya, maka dengan itu ia sentiasa memerhatikan bagaimana cara kamu menjalankan urusan itu; oleh itu hendaklah kamu menjaga diri dari keburukan yang disebabkan oleh dunia . . .*

## **KELANGSUNGAN GENERASI : PERANAN INSTITUSI MEDIA**

Media komunikasi adalah ibarat serampang dua mata yang mengandungi kedua-dua unsur kebaikan dan juga keburukan. Media elektronik, khususnya televisyen, boleh berperanan sebagai jendela yang membuka

luas dunia masyarakat tempatan kerana perkembangan semasa dan peristiwa-peristiwa dunia seperti peperangan, bencana alam, dan sebagainya dapat diketahui dan diikuti perkembangannya dalam masa sebenar (real time). Apatah lagi setelah televisyen dijadikan sebahagian isi rumah.

Dari peringkat bayi hingga dewasa, televisyen kian menjadi “teman setia” yang mudah didampingi. Sebagai sebuah institusi sosial, televisyen boleh mencorakkan budaya masyarakat dan mengukuhkan sikap dan perlakuan yang telah sedia terbentuk. Kewujudan televisyen dan pelbagai bentuk media lain dalam persekitaran masyarakat massa turut berupaya mengubah gaya hidup seseorang, mengubah corak perhubungan kekeluargaan, jiran tetangga, rakan sekerja, masyarakat bangsa dan negara, serta masyarakat sejagat. Di samping itu media radio, video dan televisyen menggalakkan khalayaknya untuk berhibur setiap hari di rumah sendiri. Seperti kata Gerbner et.al, seorang sarjana komunikasi di Amerika Syarikat (1981: 513):

*Television is the most central and most pervasive medium . . . And it plays a distinctive and historically unprecedented role. Other media are accessible to the individual (usually at the point of literacy and mobility) only after the socializing functions of home and family life have begun. In the case of television, however, the individual is introduced virtually at birth into its powerful flow of messages and images. The television set has become a key member of the family, the one who tells most of the stories most of the time. Its massive flow of stories showing what things are, how things work, and what to do about them has become the common socializer of our times. These stories form coherent mythical “world” in every home. Television dominates the symbolic environment of modern life.*

Institusi media juga merangkumi video pornografi, cerita ganas dan drama cinta yang memberahikan dalam bahan cetak, rancangan TV dan filem. Pada tahap penggubal dan pelaksana dasar, mereka harus tegas melaksanakan undang-undang dan peraturan untuk melindungi masyarakat, walaupun tindakan yang diambil dianggap tidak popular.

## KESIMPULAN

Dalam era persaingan yang digalakkan oleh dasar penswastaan yang semakin membudaya di beberapa buah negara dunia, televisyen (dan juga multimedia) berfungsi sebagai alat memperolehi maklumat dan hiburan yang menyeronok dan mengkhayalkan. Keadaan ini menjadi lebih rumit bila sempadan negara mula menjadi samar-samar kerana kemampuan teknologi baru komunikasi untuk merentasi sempadan.

Menjelang alaf baru, setiap individu perlu berhenti sejenak untuk menilai semula “kemajuan” yang telah dicapai hasil pendedahan kepada pelbagai bentuk media dalam masyarakat. Penolakan teknologi media komunikasi secara membata tuli tidak akan mendatangkan sebarang faedah. Malah, tindakan tersebut hanya akan merugikan ummah kerana kita akan semakin ketinggalan di belakang masyarakat lain yang giat menceburkan diri dalam inovasi teknologi baru. Yang diperlukan ialah pertimbangan yang bijaksana untuk menerima teknologi media komunikasi baru untuk tujuan murni masyarakat sejagat, sesuai dengan nilai, norma dan jati diri masyarakat setempat. Yang lebih penting, para negarawan harus mempunyai keazaman politik untuk melindungi anggota masyarakatnya daripada sebarang bentuk dominasi dan penjajahan media dan budaya. Seperti kata Katherine Fanning dalam *Christian Science Monitor* (1987: ix):

*It has become almost a truism to say that, as our present is related to our history, so our future is founded on today. As the 21st century approaches, that truism becomes even more true: The next century will be hostage to today's decisions.*

Sekiranya pengaruh media dan budaya asing itu dikatakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan dalam keadaan langit terbuka, maka masyarakat yang berwibawa harus berupaya menepis sebarang gejala negatif dengan perisai yang tahan diuji, dengan keimanan yang tebal, dan amalan yang tidak memisahkan hubungan manusia dengan manusia dan manusia dengan Allah.

## RUJUKAN

- Al-Quran dan Terjemahnya*. 1971. Jakarta: Indonesia: Yayasan Penyelenggara Penterjemah/ Pentafsir Al-Quran.
- Broad, R. 1988, June 23. The World Bank should heed its 'non-expert' critics. *Christian Science Monitor*.
- Colder-Bolz, C.S. 1980, Summer. Mediation: the role of significant others. *Journal of Communication*, 30(3), 106-119.
- Conable, B.B. 1988, June 1. Preface. *World Development Report 1988*. New York: Oxford University Press.
- Dikkenberg, J. 1991, September 6-8. A Star is born. *Asia Magazine*, 6-11.
- Fanning, K. 1987. Foreword. Dalam R.M.Kidder (Peny.), *An agenda for the 21st century* (hal. ix-xiii). Cambridge, Massachusetts: The MIT Press.
- Felter, M. 1984, Spring. Television viewing and school achievement. *Journal of Communication*, 104-117.
- Garnham, N. 1983, January/February. Public service versus the market. *Screen*. 24(1), 6-7.
- Gerbner, G., Gross, L., Morgan, M., & Signorielli, N. 1981. The "mainstreaming" of America: violence profile No. 11. *Journal of Communication*. 30(3), 10-29.
- Greenberg, B. & Dominick, J. 1969, Fall. Racial and social class differences in teenagers' use of TV. *Journal of Broadcasting*. 13, 331-334.
- Hamelink, C. J. 1994. *Trends in world communication: on disempowerment and self-empowerment*. Penang: Southbound.
- Hawkins, R.P. & Pingree, S. 1981. Uniform content and habitual viewing: unnecessary assumptions on social reality effects. *Human Communication Research*. 7, 219-301.
- Healey, N.M. 1989, January. Danger in a 'dormant' crisis. *World Press Review*. 30-32.
- Lambert, S. 1987, April 26. Seluruh dunia dilanda demam penswastaan. *Mingguan Malaysia*. [Dialihbahasa daripada makalah dalam *The Independent London*].
- Mahoney, E.M. 1987. Negotiating new information technology and national

development: the role of Intergovernment Bureau of Informatics. (Doctoral dissertation, Temple University, 1987). *Dissertation Abstracts International*, 48, 243A.

*Media Guide '98*. 1998. Kuala Lumpur: Whiteknight Communications.

Morgan, M. & Gross, L. 1980, Spring. Television viewing, IQ and academic achievement. *Journal of Broadcasting*, 24(2), 117-133.

Murdoch, G. 1994. The new Mogul empires: media concentration and control in the age of convergence. *Media Development*, XLI(4), 3-6.

Rafferty, K. 1985, January. Giving a boost to privatization. *Institutional Investor*. 187-188.

Samarajiva, R. & Shields, P. 1989, July 24-27. *New information-communications technologies and society: pedagogical and theoretical issues*. Kertaskerja dibentangkan di Bengkel New Information-Communications Technologies and Society: Pedagogical Challenges for Ohio Colleges and Universities, di Centre for Advance Study in Telecommunications (CAST), Columbus, Ohio.

Schiller, H.I. 1984. *Information and the crisis economy*. New Jersey: Ablex Publishing Co.

Scott, W.A. 1990. Reliability of content analysis: the case of nominal scale coding. *Public Opinion Quarterly*, 19, 321-325.

Seah, C.N. 1993, November 21. Keeping the people in tune with satellite. *Sunday Star*.

*Utusan Malaysia*. 1994, 17 Mei.

Vickers, J. & Hay, D. 1987. The economics of market dominance. Dalam D. Hays & J. Vickers, *The economics of market dominance*, hal. 1-60. New York: Basil Blackwell.

Winn, M. 1985. *The plug-in drug: television, children and the family*. Harrison, Virginia: R.R.Donnellely & Sons Co.

Yusof Al-Qardhawi. 1994. *Fatwa Qardhawi: permasalahan, pemecahan dan hikmah*. Surabaya, Indonesia: Risalah Gusti.

Zuckerman, D.M., Singer, D.G. & Singer, J.L. 1980, Winter. Television viewing, children's reading and related classroom behaviour. *Journal of Communication*, 30(1), 166-173.